



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 MEI 2015

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA MENGENAI PROSIDING SYARIKAT 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB) - KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGARA (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI.

KUALA LUMPUR, 19 Mei 2015 (Selasa) – Hari ini, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia memulakan prosiding Pengurusan Kawalan Tadbir Urus Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) milik Kementerian Kewangan (MoF).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (MoF) Tan Sri Irwan Serigar Abdullah dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negara (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rahmat Bivi Yusoff serta pegawai kanan MoF dan EPU yang turut hadir dalam prosiding berkenaan.

Ia membuktikan betapa pihak kerajaan terutama sekali MoF dan EPU mengamalkan pentadbiran yang telus, berkredibiliti serta akauntabiliti terhadap syarikat 1MDB ini dengan hadir di hadapan PAC Parlimen Malaysia.

Prosiding hari ini juga dihadiri semua ahli jawatankuasa ini terdiri lapan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan lima daripada pembangkang selain wakil tetap kementerian dalam PAC iaitu daripada MoF, EPU, Jabatan Audit Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara.

Jawatankuasa ini pada 30 April lalu sebulat suara bersetuju untuk memulakan prosiding siasatan terhadap syarikat 1MDB selepas mengadakan perbincangan khas.

PAC mahu melihat pengurusan kawalan tadbir urus syarikat 1MDB sejak ia mula ditubuhkan pada 2009 selepas ditukar fungsi daripada Pihak Berkuasa Pelaburan Terengganu (TIA).

Saya ingin memaklumkan bahawa prosiding pertama pada hari ini, lebih tertumpu kepada kawalan kerajaan terhadap pengurusan dan pelaburan syarikat 1MDB selepas ia mula ditubuhkan pada 2009.

Memandangkan spekulasi, tohmahan dan tuduhan yang perlu disahihkan oleh Jawatankuasa ini, skop prosiding syarikat 1MDB ini tidak terbatas dan prosiding PAC ini dilakukan tanpa mendapat input daripada Jabatan Audit Negara.

Bagaimanapun selepas ini, jika Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan kepada PAC, jawatankuasa ini akan mengambil segala maklumat, pandangan serta syor bagi memperlengkapkan prosiding syarikat 1MDB ini.

EPU hadir memberikan keterangan di hadapan jawatankuasa berkenaan kerana mereka pernah hadir sebanyak dua kali di hadapan PAC pada 22 November 2011 dan 27 Jun 2012 dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ketika itu iaitu Datuk Shahrul Ibrahim Halmi menjelaskan mengenai pelaburan syarikat berkenaan selain turut bertanggungjawab terhadap pembangunan tanah Tun Razak Exchange (TRX) serta Bandar Malaysia, Sungai Besi.

Saya ingin menjelaskan di sini, sebagai jawatankuasa di bawah Parlimen Malaysia, PAC mengamalkan pendekatan yang telus, beretika, bertanggungjawab serta berakauntabiliti dalam melindungi kepentingan rakyat.

Atas sebab itu, saya memohon kepada semua pihak supaya tidak mendahului PAC dalam membuat sebarang kesimpulan terhadap prosiding ini dan perlu menghormati peranan serta tanggungjawab yang diamanahkan dalam jawatankuasa ini melengkapkan prosiding 1MDB.

Jawatankuasa ini juga tidak menetapkan sebarang tempoh masa bagi melengkapkan prosiding ini seterusnya membentangkan Laporan PAC berhubung syarikat 1MDB kepada Dewan Rakyat.

Apa yang pasti PAC akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan prosiding membabitkan semua aspek termasuk segala isu yang dibangkitkan media sehingga menggosokkan rakyat terhadap syarikat 1MDB ini.

Prosiding ini bermula dengan memanggil pihak terbabit sebagai Pegawai Pengawal kepada aktiviti syarikat 1MDB ini iaitu MoF dan EPU selepas ini akan memanggil saksi yang mewakili pengurusan syarikat seterusnya Lembaga Pengarah dan selepas itu, firma audit yang terlibat dalam mengesahkan kedudukan kewangan syarikat ini.

Pada 26 Mei ini, pengurusan syarikat 1MDB ketika ini diketuai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Arul Kanda Kandasamy serta Mantan CEO 1MDB iaitu Datuk Shahrul Ibrahim Halmi akan hadir di hadapan jawatankuasa ini bagi memberikan penjelasan berhubung prosiding yang sama.

Jawatankuasa ini juga akan memanggil Lembaga Pengarah 1MDB terutama sekali Pengerusi dan ahlinya ketika ia mula ditubuhkan dan yang ada sekarang dalam memastikan kawalan tadbir urus syarikat ini sentiasa dipantau.

PAC juga bercadang untuk memanggil semua firma audit yang terbabit mengaudit kewangan syarikat ini termasuk Ernst and Young, KPMG dan Deloitte bagi melengkapkan prosiding syarikat 1MDB ini.

Semua ini amat penting kepada PAC dalam melengkapkan siasatan terhadap 1MDB sekali gus memastikan wang rakyat yang digunakan oleh syarikat ini benar-benar memberikan faedah kepada rakyat negara ini secara keseluruhannya.